

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2022

TINGKATAN 5

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

MAKSUD PERLEMBAGAAN	
<ul style="list-style-type: none"> -Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi -Menjadi teras pemerintahan sesebuah negara -Merupakan peraturan tertinggi -Panduan dalam pemeritahan negara -Perlembagaan merupakan unsur penting dalam sesebuah negara 	
ASAS PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN	
Undang-undang Negeri Melayu	Undang-undang Inggeris
<ul style="list-style-type: none"> -Raja sebagai pemerintah -Rakyat memberikan taatsetia -Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja -Undang-undang bertulis negeri Melayu (Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor) 	<ul style="list-style-type: none"> -British memperkenalkan Undang-undang di Negeri-negeri Selat -Dikenali sebagai Charter Of Justice -Diambil daripada undang-undang yang digubal di England
TERMA RUJUKAN DALAM PERJANJIAN 1957	
<ul style="list-style-type: none"> -Kerajaan Persekutuan yang kukuh -Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu -Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu -Parlimen hendaklah ada dua dewan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) -Kewarganegaraan yang sama 	
CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	
Ciri Tradisional	Ciri Moden
<p>Kesultanan atau Pemerintahan Beraja</p> <ul style="list-style-type: none"> -YDPA pemerintah tertinggi negara -YDPA berkuasa memberi pengampunan -Pada peringkat negeri , Raja sebagai Ketua Negeri <p>Agama Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> -Agama Islam diletak dibawah kuasa raja di negeri masing-masing. -Bagi negeri tidak beraja diletakkan dibawah bidang kuasa YDPA -Agama Islam sebagai agama rasmi <p>Bahasa Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> -Bahasa Melayu dijadikan Bahasa ilmu -Bahasa Melayu dijadikan Bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan <p>Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera</p> <ul style="list-style-type: none"> -YDPA bertanggungjawab menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera. 	<p>Kerajaan Persekutuan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan -Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa tertentu seperti pertahanan, pelajaran <p>Sistem Demokrasi Berparlimen</p> <ul style="list-style-type: none"> -Tujuan pilihan raya adalah untuk memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih pemimpin dan menubuhkan kerajaan -Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan pilihan raya supaya dilaksanakan dengan adil -Pilihan raya persekutuan memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Persekutuan -Pilihan raya negeri pula memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri <p>Kewarganegaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan rakyat British -Pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kpd rakyat

PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	
PINDAAN 1963	PINDAAN 1965
<ul style="list-style-type: none"> -Dipinda selepas pembentukan Malaysia -Pindaan dibuat untuk memasukkan perkara baharu ikut keperluan semasa 	<ul style="list-style-type: none"> -Dipinda sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia -Semua perkara berkaitan dengan Singapura dikeluarkan daripada Perlembagaan Malaysia
KBAT (KESAN JIKA RAKYAT TIDAK MENGHORMATI PERLEMBAGAAN)	
RUJUK TEKNIK KBAT PES	